

NO. SEBUTHARGA : SADA/SH/PGLN/82/2025

KENYATAAN SEBUTHARGA

Kontraktor/Pembekal yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) - Gred G1, kategori CE20 – Sistem Bekalan Air** dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) serta masih dibenarkan membuat kerja-kerja sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai:

KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG BAHARU SISTEM MANIFOLD KLORIN DAN SISTEM AUTO SHUT OFF, MEMBAIKPULIH SISTEM SCRUBBER SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOJI RAWATAN AIR LUBUK BUNTAR, KEDAH DARUL AMAN

Tarikh Taklimat Tapak : 16/12/2025 (SELASA)
Masa : 11.00 Pagi
Tempat : LOJI RAWATAN AIR LUBUK BUNTAR
Lawatan Tapak : **WAJIB**

Kontraktor/Pembekal perlu mendaftar terlebih dahulu dengan SADA dengan harga **RM50.00** sebelum membuat pembelian Borang Sebutharga dan Borang sebutharga boleh didapati di tingkat 11, Jabatan Ukur Bahan, Ibu Pejabat Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) semasa waktu pejabat (**8.30 pg - 12.30 tgh dan 2.30 ptg – 4.00 ptg**) dengan harga **RM 50.00** pada **17/12/2025 hingga 23/12/2025**.

Kontraktor/Pembekal yang menyertai Sebutharga di atas hendaklah membawa bersama Sijil Asal dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) semasa mendapatkan Borang Sebutharga. Hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Pendaftaran atau wakil yang diberi kuasa yang dibenarkan membeli dokumen Sebutharga.

Borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tender/Sebutharga di Ibu Pejabat Syarikat Air Darul Aman, Aras Bawah (bersebelahan kaunter bayaran), Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. Jalan Sultan Badlishah 05582 Alor Setar Kedah sebelum atau pada jam **12.00 tengahari** bertarikh **24/12/2025**.



Sertai Saluran Telegram Kami
Tender & Sebut Harga SADA
<https://t.me/iklansebuthargatenderSADA>
Untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami